

TEKS UCAPAN
YB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN
MENTERI DALAM NEGERI
SEMPENA
MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2020
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
PADA 16 JANUARI 2020

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamu'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

YB Datuk Mohd Azis bin Jamman
Timbalan Menteri Dalam Negeri

YBhg. Dato' Jamil Bin Rakon
Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri

YBhg. Datuk-Datuk Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi
Setiausaha-Setiausaha Bahagian

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi
Kementerian Dalam Negeri

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat berhimpun dalam Majlis Amanat Tahun Baharu 2020 Kementerian Dalam

Negeri pada pagi yang berbahagia ini. Tahun 2019 berlalu begitu pantas dan kini kita telah melangkah ke tahun 2020 dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu kepada seluruh warga KDN. Semoga tahun 2020 akan memberikan semangat kepada kita semua untuk menggalas amanah dan tanggungjawab dengan lebih berdedikasi dan meningkatkan pencapaian kementerian.

2. Di awal tahun ini, elok juga kita merenung kembali dan membuat penilaian terhadap prestasi dan pencapaian KDN sepanjang tahun lalu untuk kita mengetahui kedudukan kita pada masa ini dan menetapkan hala tuju pada masa hadapan demi mencapai matlamat yang dicita-citakan.

PENCAPAIAN TAHUN 2019

3. Syukur alhamdullilah kita telah berjaya melalui tahun 2019 dengan pelbagai cabaran dalam usaha memastikan keselamatan dan ketenteraman negara terjamin. Pada tahun lalu, kedudukan Malaysia dalam *Global Peace Index* (GPI) telah meningkat daripada tangga ke-25 pada tahun 2018 kepada tangga ke-16 daripada 163 buah negara. Pengukuran GPI adalah berdasarkan 23 inidikator, antaranya ialah konflik luar, persepsi jenayah, konflik dalaman, kadar pemenjaraan (*incarceration rate*), demonstrasi ganas dan keganasan. Saya percaya peningkatan kedudukan Malaysia dalam GPI merupakan manifestasi kejayaan pelbagai inisiatif KDN yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019.
4. Dalam memperkasakan usaha untuk memastikan keselamatan dan ketenteraman negara sentiasa terjamin, KDN telah merangka Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 3 Oktober 2019. Dasar yang bersifat holistik dengan enam teras dan 21 strategi ini menjadi panduan kepada kita untuk menangani isu dan cabaran utama keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam dengan penglibatan bersepada daripada semua pihak.

5. KDN melalui PDRM telah menjalankan usaha yang berterusan sepanjang tahun 2019 bagi mengekang aktiviti jenayah. Usaha berterusan PDRM ini telah berjaya menurunkan kadar jenayah berbanding tahun sebelumnya. Jenayah indeks telah menunjukkan penurunan sebanyak 249 kes berbanding sasaran sebanyak 269 kes bagi setiap 100,000 penduduk iaitu penurunan sebanyak 7.5 peratus.
6. Walaupun usaha untuk membanteras jenayah terutamanya jenayah indeks ini terletak di bahu PDRM, namun penurunan kes jenayah indeks ini juga merupakan hasil usaha daripada semua agensi di bawah KDN seperti AADK, JIM, PENJARA dan RELA.
7. Pengurusan pendatang asing dalam negara merupakan salah satu cabaran utama kepada KDN. Sehubungan itu, KDN melalui Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan Program PATI Pulang ke Negara Asal atau *Back For Good Programme* untuk membolehkan warga asing yang telah melakukan kesalahan imigresen di bawah Akta Imigresen 1959/63 pulang ke negara asal secara sukarela mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Sehingga tarikh tutup program ini pada 31 Disember 2019, seramai 192, 260 orang PATI telah berdaftar dan sebanyak RM 134.6 juta kompaun telah dikutip.
8. Selain itu, JIM turut mempergiatkan operasi membanteras PATI beserta majikan yang menggaji PATI. Sehingga 31 Disember 2019, sebanyak 17,536 operasi ke atas PATI telah dilaksanakan dan seramai 51,300 orang PATI dan 1,266 orang majikan telah ditangkap. Ini menunjukkan Kerajaan tidak sedikitpun berkrompromi dalam isu PATI dan akan terus melaksanakan operasi untuk menangkap dan mengusir PATI pulang ke negara asal.
9. Bagi memastikan perairan negara sentiasa selamat daripada sebarang ancaman, KDN telah menubuhkan jawatankuasa bagi menangani pencerobohan nelayan asing dan melaksanakan Ops Naga yang merupakan satu usaha bersepadu bersama agensi-agensi yang berkaitan. Sehingga 31 Disember 2019, operasi ini yang bertumpu di Selat Melaka dan Laut Cina

Selatan telah berjaya menahan sebanyak 134 bot nelayan asing. Operasi ini akan diteruskan dan diperhebatkan lagi pada tahun ini.

10. KDN juga mengambil serius usaha untuk mempercepatkan proses pemerolehan kewarganegaraan bagi pemohon yang layak menurut peruntukan Perlembagaan Persekutuan, undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa. KDN pada tahun 2019 telah mengambil inisiatif mewujudkan sebuah *Task Force* bagi mempercepatkan proses pertimbangan terutamanya bagi Permohonan Kewarganegaraan Kanak-Kanak Di Bawah Usia 21 Tahun Di Bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan. Sehingga 31 Disember 2019, sebanyak 25,111 atau 98.5% daripada 25,495 permohonan telah berjaya diproses.
11. Dalam usaha meningkatkan keselamatan dan mengambil kira permasalahan rakyat, KDN telah mengenal pasti 23 inisiatif yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Khas Menangani Kesesakan di Tambak Johor untuk dilaksanakan dalam tempoh jangka masa pendek, sederhana dan panjang.
12. Daripada jumlah ini sebanyak sembilan inisiatif telah berjaya dilaksanakan khususnya melibatkan pelantikan Ketua Penyelaras bagi Kompleks Kastam dan Imigresen Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), penyuraian kenderaan berat ke *holding bay* bagi laluan masuk di KSAB, pembukaan laluan kontra di laluan masuk pada waktu puncak di KSAB, pembukaan laluan khas lori tanpa muatan di BSI dan penambahan anggota Polis Bantuan di BSI.
13. Bagi tujuan menambah baik fasiliti di kedua-dua kompleks CIQ ini, sebanyak RM85 juta telah diluluskan oleh Kerajaan dalam Belanjawan 2020 untuk beberapa penambahanbaikan di CIQ dan perolehan baharu.
14. Kerajaan juga memberikan penekanan yang serius terhadap tanggungjawab Kementerian dalam melaksanakan fungsi dan peranannya. Penilaian terhadap pelaksanaan fungsi dan peranan ini diukur berdasarkan prestasi kementerian melalui *Ministerial Performance Indicator* (MPI). Sehubungan itu,

KDN telah menetapkan sebanyak 27 KPI bagi MPI 2019 dan sehingga 1 Disember 2019 pencapaian bagi 25 KPI adalah sebanyak 99 peratus.

INSENTIF KERAJAAN KEPADA WARGA KDN

Saudara dan saudari yang saya hormati,

15. Kerajaan amat menghargai sumbangan penjawat awam dan akan terus berusaha untuk menambahbaik kebajikan mereka. Dalam konteks KDN, Kerajaan melalui Belanjawan 2020, telah meluluskan kenaikan elaun sebanyak RM 2 sejam daripada kadar sedia ada bagi anggota RELA. Kenaikan elaun ini diharap dapat meningkatkan komitmen anggota RELA di samping menggalakkan lagi penyertaan orang awam sebagai sukarelawan RELA.
16. Selain itu, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) juga telah meluluskan dua elaun kepada PDRM iaitu penyelarasan Imbuhan Tetap Perumahan bagi Perkhidmatan PDRM dan Bayaran Insentif Penerbangan Operasi *Special Mission Equipment*. Sesungguhnya, kelulusan elaun-elaun ini merupakan satu manifestasi penghargaan dan keprihatinan Kerajaan terhadap kebajikan anggota RELA dan PDRM.

MISI DAN SASARAN NASIONAL

17. Tahun 2020 merupakan tahun yang amat penting kerana tahun ini merupakan tahun terakhir bagi Kerajaan untuk memenuhi komitmen yang digariskan dalam beberapa misi dan fokus nasional. Dalam hal ini, segala perancangan yang telah dibuat untuk tahun ini akan menjadi pelengkap kepada pencapaian sasaran seperti yang digariskan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe-11) dan Pelan Strategik KDN 2015-2020. Perancangan 2020 juga merupakan pemacu kepada inisiatif-inisiatif yang akan menyumbang kepada Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).
18. Perancangan yang strategik dan mantap serta selari dengan misi nasional penting bagi menyokong aspirasi Kerajaan dalam meningkatkan pembangunan dan kemakmuran negara. Justeru, saya berharap agar RMKe-

- 12 akan meletakkan keselamatan sebagai salah satu keutamaan dalam merangka perancangan jangka panjang untuk tempoh lima (5) tahun akan datang.
19. Untuk itu, saya menggesa supaya KDN dan agensi-agensi di bawahnya membuat penilaian pencapaian masing-masing dalam RMKe-11 bagi memastikan perancangan dan strategi dalam tempoh RMKe-12 mempunyai kesinambungan di samping dapat mendokong aspirasi negara ke arah mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

FOKUS 2020

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

20. Pada tahun ini, KDN akan terus memberi fokus kepada usaha menambahbaik dasar dan perundangan sedia ada, mempergiatkan penguatkuasaan dan operasi serta melaksanakan beberapa kajian penilaian bagi tujuan penambahbaikan sistem penyampaian Kementerian.
21. Sehubungan itu, tumpuan khusus mesti diberikan kepada usaha meningkatkan kecekapan dan keberkesanan mekanisme pelaksanaan, penyelaras, pemantauan dan penilaian serta sistem pengukuran prestasi yang lebih kemas dan sistematik. Sasaran utama kita adalah untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik serta membantu Kerajaan mengekalkan keamanan negara dan kesejahteraan awam agar kualiti hidup rakyat dapat terus dipertingkatkan.
22. Saya percaya, fokus 2020 juga telah mengambil kira isu semasa dan cabaran keselamatan berdasarkan kepada analisis persekitaran. Tahun 2020 merupakan era millennium yang semakin mencabar dengan perkembangan teknologi baharu berteraskan kepada Revolusi Industri 4.0.
23. Sejajar dengan perkembangan ini, peranan Kementerian bukan hanya semata-mata sebagai pemberi perkhidmatan tetapi mestilah juga bertindak sebagai pemudahcara atau fasilitator bagi pihak ketiga dalam menyampaikan perkhidmatan yang bermutu kepada rakyat. Perubahan peranan ini selaras dengan keperluan semasa dan kepakaran di luar kementerian yang perlu

dioptimumkan. Dalam hal ini, pemerkasaan komuniti perlu dijadikan sebagai salah satu pendekatan strategik dalam menangani cabaran keselamatan dan ketenteraman awam.

24. Bagi tahun 2020, tiga teras strategik utama KDN telah dirangka untuk menyokong visi dan misi Kementerian serta melonjakkan KDN ke tahap yang lebih cemerlang. Bagi tujuan tersebut, teras strategik ini akan menjurus kepada pencapaian objektif spesifik yang dinilai melalui pelaksanaan beberapa program dengan KPI dan sasaran masing-masing. Tiga teras strategik ini ialah:
 - i. Pemerkasaan keselamatan dan ketenteraman awam;
 - ii. Pemantapan institusi dan sistem perkhidmatan; dan
 - iii. Pengukuhan keselamatan rentas sempadan.
25. Teras-teras ni adalah dinamik yang boleh ditambah baik mengikut keperluan semasa. Justeru, bagi menyokong teras strategik ini, beberapa strategi yang holistik dan berfokus perlu dikenal pasti bagi memastikan objektif dan hala tuju Kementerian dapat dicapai. Antara strategi yang mesti diberi perhatian ialah:
 - i. Menambahbaik dasar, perundangan dan SOP berkaitan keselamatan dan ketenteraman awam;
 - ii. Membanteras jenayah bagi meningkatkan persepsi rasa selamat rakyat;
 - iii. Mengukuhkan program rawatan, koreksional dan pasca pemulihan;
 - iv. Mengukuhkan keselamatan sempadan darat, maritim dan pintu masuk negara;
 - v. Memerangi pemedagangan manusia dan penyeludupan migran;
 - vi. Memerangi pendatang tanpa izin dan memperkuuhkan undang-undang imigresen;
 - vii. Meningkatkan usaha-usaha menggalakkan penglibatan komuniti, pihak swasta, NGO dalam melaksanakan inisiatif berkaitan keselamatan; dan
 - viii. Memperkemaskan pengurusan kewarganegaraan.
26. Sehubungan ini, KDN akan melaksanakan kajian dan pindaan ke atas akta-akta yang berada di bawah bidang kuasa KDN. Antaranya ialah Akta Hasutan 1948,

Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012, Akta Pencegahan Jenayah 1959, Akta Penagihan (Rawatan dan Pemulihan) 1983, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007. Ini untuk memastikan akta-akta yang dikuatkuasakan oleh KDN relevan dengan keadaan semasa dan mendokong prinsip kedaulatan undang-undang.

27. Pada tahun ini juga, KDN akan terus komited dalam melaksanakan program-program pemulihan dan koreksional bagi mengurangkan kadar penagihan berulang dan kadar residivis. Selain itu, usaha turut dibuat bagi menggalakkan sektor swasta mengambil orang di Parol (ODP) bekerja melalui program yang dikenali sebagai *Corporate Smart Internship* (CSI). Program-program ini akan membantu mereka kembali berfungsi dalam masyarakat di samping mengubah stigma masyarakat terhadap golongan ini.
28. KDN melalui AADK akan memperkasakan program rawatan dan pemulihan bagi memastikan peratus orang kena pengawasan iaitu bekas penagih kekal pulih dalam tempoh dua (2) tahun meningkat dengan sasaran sebanyak 65%. AADK juga menumpukan kepada pelaksanaan projek rintis di 12 kawasan *hot-spot* dengan kolaborasi strategik bersama pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan untuk meningkatkan keberkesanan program pemulihan dadah. Pelaksanaan program ini juga disokong dengan peruntukan sebanyak RM 15 juta yang diluluskan dalam Belanjawan 2020.
29. Untuk memastikan keberkesanan usaha membanteras jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran, satu kajian ke atas Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang 2016-2020 akan dilaksanakan sebagai persediaan untuk pembangunan pelan tindakan baharu bagi tempoh lima (5) tahun akan datang.
30. Dalam konteks pengurusan PATI, KDN akan melaksanakan Pelan Holistik Penguatkuasaan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) melalui lima (5) strategi yang merangkumi pelaksanaan di peringkat nasional sehingga ke peringkat daerah, iaitu:
 - i. Operasi penguatkuasaan PATI;

- ii. Perundangan dan dasar penguatkuasaan PATI;
 - iii. Kawalan sempadan dan pintu masuk;
 - iv. Pengurusan warga asing; dan
 - v. Pelaporan media dan publisiti
- 31. Sementara itu, operasi di sempadan akan terus diperkasakan melalui peranan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM). Untuk tujuan ini, sebuah Jawatankuasa Peringkat Tertinggi yang dipengerusikan oleh saya sebagai Menteri Dalam Negeri dengan keahliannya terdiri daripada beberapa orang Menteri, Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Jabatan akan diaktifkan mengikut Akta AKSEM 2017. Jawatankuasa ini akan bertanggungjawab untuk menetapkan dasar bagi perkara-perkara yang berhubung dengan keselamatan sempadan darat dan pengoperasian kawalan sempadan.
- 32. Untuk menyokong pengurusan sempadan secara bersepadu, sistem MyIMMs yang sedang digunakan oleh JIM pada masa in akan digantikan dengan Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (NIISe). Sistem NIISe ini akan membolehkan JIM mengawalselia kemasukan warga asing ke dalam negara dengan lebih teratur dan cekap melalui penggunaan *Artificial Intelligent* (AI). Spesifikasi sistem NIISe telah dibangunkan dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk MIMOS dan pada masa ini pembangunan sistem ini telah memasuki fasa perolehan yang akan dilaksanakan pada Mac 2020. Sistem ini dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2023.
- 33. KDN juga memberikan tumpuan kepada usaha berterusan untuk mengekang dan membanteras aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (*terrorism financing*) melalui inisiatif *The New Non Profit Organization (NPO) Financial Environment Management* di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM). Inisiatif ini berupaya untuk mengenalpasti pertubuhan-pertubuhan berdaftar yang disalahgunakan untuk tujuan pengubahan wang haram dan membiayai aktiviti keganasan.
- 34. Selain itu, Kerajaan secara prinsipnya telah bersetuju dengan syor-syor penambahbaikan untuk memantapkan lagi tadbir urus di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) terutamanya dengan projek menaiktaraf sistem ICT JPN dengan

penggantian aplikasi, perisian dan perkakasan yang akan dimulakan pada tahun ini. Usaha ini selaras dengan penarafan semula JPN sebagai agensi berisiko tinggi di samping memperkuuhkan integriti jabatan.

35. KDN juga akan terus memberikan komitmen untuk memastikan kedudukan Malaysia dalam penarafan antarabangsa berkaitan perlindungan terhadap hak asasi manusia ditingkatkan. Untuk itu, isu hak asasi akan terus diberikan perhatian yang serius agar segala tindakan kita tidak menjelaskan kedudukan dan reputasi negara di peringkat global. Walaupun beberapa inisiatif telah dilaksanakan untuk meningkatkan kedudukan Malaysia dalam Laporan Pemerdagangan Orang (*Trafficking in Persons*) oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat, namun ia perlu berterusan. Libat urus bersama pihak-pihak yang berkaitan mesti diperhebatkan lagi untuk memastikan sasaran meningkatkan kedudukan Malaysia tercapai.

PELAN STRATEGIK KDN 2021-2025

36. Tahun ini juga merupakan tahun yang penting bagi KDN kerana Pelan Strategik 2021-2025 akan dibangunkan untuk menetapkan hala tuju KDN bagi tempoh lima (5) tahun akan datang. Pelan ini akan menjadi agenda perancangan KDN dalam mencapai visi dan misi yang ditetapkan serta mendokong Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan *Sustainable Development Goal* 2030.
37. Antara pendekatan yang mesti dilaksanakan untuk melaksanakan pelan ini adalah pendekatan *the whole-of-government* yang melibatkan semua kementerian dan agensi kerajaan dan pendekatan *the whole-of-society* yang menggalakkan penyertaan masyarakat dalam pelaksanaan inisiatif oleh Kerajaan. Satu kerangka perancangan berdasarkan keberhasilan strategik akan dibangunkan untuk memastikan segala perancangan yang dibuat dijajarkan dengan strategi dan sasaran RMKe-12 dan WKB 2030.
38. Pelan Strategik KDN ini akan menetapkan dengan jelas hala tuju, teras strategik, bidang keberhasilan, sasaran utama serta petunjuk prestasi utama yang perlu dicapai serta kaedah pemantauan yang lebih sistematik untuk

memastikan matlamat utama Kementerian iaitu keselamatan negara dan ketenteraman awam kekal terjamin.

BELANJAWAN 2020

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

39. KDN merupakan kementerian ketiga yang menerima peruntukan terbesar dalam Belanjawan 2020 iaitu sebanyak RM13.84 billion bagi peruntukan mengurus dan RM3.08 billion bagi peruntukan pembangunan. Peruntukan yang besar ini perlu dibelanjakan secara optimum dan efektif dengan mengamalkan perbelanjaan kewangan berdasarkan keberhasilan (*outcome based budgeting*). Peruntukan-peruntukan yang disalurkan perlu dimanfaatkan sebaik mungkin agar pembangunan yang dirancang adalah tepat dan dapat dilaksanakan mengikut jadual terutamanya bagi perolehan aset dan pelaksanaan projek pembangunan.

PELAN STRATEGIK SUMBER MANUSIA

40. Untuk bergerak dengan lebih cemerlang di dekad baharu ini, pembangunan modal insan merupakan satu aspek yang penting dan tidak boleh diabaikan. Warga KDN perlu dilengkapkan dengan pengetahuan dan kemahiran baharu selaras dengan kemajuan dalam bidang teknologi. Justeru, Pelan Strategik Sumber Manusia yang baharu perlu dibangunkan.
41. Saya juga ini menyeru warga KDN untuk terus memberikan komitmen yang tinggi agar kita dapat menjadi peneraju perubahan yang memberikan nilai tambah yang amat berharga kepada organisasi. Elakkan amalan bekerja secara *silo*. Berusahalah untuk memperkemaskan penyampaian perkhidmatan demi memenuhi permintaan rakyat dengan memberikan fokus kepada pembaharuan dalam penyampaian perkhidmatan, pengurusan sumber manusia dan reformasi institusi secara menyeluruh.

PENGUKUHAN INTEGRITI WARGA KDN

42. Selain itu, aspek integriti dalam kalangan warga KDN perlu diperkuuhkan. Sehubungan itu, Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) KDN 2020-2023 akan dibangunkan selaras dengan keperluan Pelan Anti-Rasuah Nasional.

MEMPERKASAKAN PROGRAM LIBAT URUS

43. Seperti saya nyatakan tadi, hubungan bersinegi dengan semua Kementerian, agensi kerajaan, sector swasta dan masyarakat mesti diperkasakan. Justeru, pada tahun 2020 ini, saya ingin menekankan supaya pendekatan libat urus dengan pelbagai pihak terus diperkasakan untuk memaksimumkan impak pelaksanaan dasar dan program Kementerian, Jabatan dan Agensi.
44. KDN juga sedang dalam proses menuju Majlis Konsultatif Keselamatan dan Ketenteraman Awam (MKKKA) untuk menambahbaik pengurusan isu semasa berkaitan keselamatan. Antara tujuan majlis ini adalah untuk menjadi platform perkongsian idea dan perbincangan isu-isu semasa berhubung keselamatan dan ketenteraman awam dan mendapatkan maklum balas serta pandangan berkaitan keberkesanan dasar dan program KDN dalam menangani isu-isu keselamatan dan ketenteraman awam.

PELAN KOMUNIKASI KDN

45. Untuk menyokong usaha-usaha ini, peranan komunikasi yang berkesan amat penting dalam memastikan keberhasilan sesuatu program dapat dicapai dengan jayanya. Justeru, Pelan Komunikasi Strategik mesti dibangunkan untuk memastikan semua pihak mendapat kefahaman yang jelas tentang pelaksanaan inisiatif KDN dan seterusnya menghasilkan impak yang tinggi kepada golongan sasaran.

PENUTUP

46. Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah atas segala usaha dan komitmen yang ditunjukkan oleh semua lapisan warga Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah KDN atas kejayaan yang dicapai sepanjang tahun 2019. Sebagai langkah ke hadapan, saya berharap momentum kejayaan tahun lalu diteruskan dengan perancangan dan pelaksanaan yang lebih teliti dan mantap pada tahun ini. Semoga saudara dan saudari sekalian terus beristiqamah dan beriltizam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dengan lebih cemerlang dan berintegriti.
47. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan selamat menyambut perayaan Ponggal dan Selamat Tahun Baharu Cina kepada semua warga KDN yang menyambutnya.

Wabillahi al-taufiq wal hidayah wassalamuálaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.